

SANDANG KEBESARAN SILAT SENI GAYONG

ABSTRAK

Sandang Kebesaran Gayong merupakan salah satu unsur penting dalam sistem adat, kepimpinan, penghormatan dan pengiktirafan dalam tradisi Silat Seni Gayong. Sandang bukan sekadar pakaian atau perhiasan dalam sesuatu majlis, tetapi melambangkan kedudukan, amanah, tanggungjawab, jasa serta hubungan seseorang dengan perguruan. Esei ini menghuraikan struktur dan fungsi Sandang Kebesaran Gayong yang merangkumi empat kategori utama, iaitu Sandang Berjawatan, Sandang Kehormat, Sandang Gurulatih dan Sandang Waris. Perbincangan memberi tumpuan khusus kepada struktur Sandang Berjawatan yang disusun berdasarkan bilangan gelanggang dan skop penyeliaan. Pada peringkat asas, seorang Khalifah Muda menyelia sebuah gelanggang, seorang Khalifah menyelia empat orang Khalifah Muda atau empat gelanggang, manakala seorang Khalifah Kanan menyelia empat orang Khalifah atau keseluruhan 16 gelanggang. Di peringkat negeri pula, pelantikan Ketua Beradat, Waris Beradat dan Khalifah Besar hendaklah disesuaikan dengan keperluan sebenar perguruan serta had yang ditetapkan. Esei ini turut menghuraikan prinsip kekosongan jawatan, hubungan antara gelanggang dengan hierarki kepimpinan, kedudukan Sandang Kehormat, Sandang Guru Latih dan Sandang Waris serta adab pemakaian dan penganugerahan sandang. Pemakaian sandang hendaklah mengikut ketetapan adat, termasuk perbezaan pemakaian pada bahu kiri bagi Waris Kerabat dan Waris Mutlak serta bahu kanan bagi penerima lain. Sandang juga hendaklah dibuka dan ditempatkan dengan baik dalam keadaan tertentu sebelum dipakai semula seperti asal. Keseluruhannya, Sandang Kebesaran Gayong hendaklah difahami sebagai lambang amanah dan autoriti, bukan sekadar kebesaran gelaran, dengan pelantikan dan penggunaannya sentiasa berasaskan fungsi, tanggungjawab, keperluan perguruan serta pemeliharaan adat Silat Seni Gayong.

1.0 PENDAHULUAN

Sandang Kebesaran Gayong merupakan sebahagian daripada sistem adat, kepimpinan, penghormatan dan pengiktirafan dalam tradisi Silat Seni Gayong. Sandang bukan sekadar pakaian atau perhiasan yang dipakai dalam sesuatu majlis, sebaliknya menjadi lambang kedudukan, amanah, tanggungjawab, jasa dan hubungan seseorang dengan perguruan.

Dalam tradisi Silat Seni Gayong, penganugerahan sandang mempunyai fungsi untuk menyusun kedudukan individu berdasarkan peranan yang dimainkan dalam pelajaran, adat-istiadat, kepimpinan, pengurusan, kewangan, kebajikan dan perkembangan perguruan. Oleh itu, setiap sandang membawa makna serta tanggungjawab yang tersendiri.

Secara umumnya, Sandang Kebesaran Gayong dapat dibahagikan kepada empat kategori utama, iaitu Sandang Berjawatan, Sandang Kehormat, Sandang Guru Latih dan Sandang Waris.

Satu prinsip penting dalam struktur Sandang Berjawatan ialah kekosongan atau kewujudan sesuatu jawatan hendaklah disesuaikan dengan bilangan gelanggang yang berada di bawah pentadbiran sesuatu kawasan atau negeri. Dengan demikian, pelantikan tidak semestinya dibuat secara automatik, tetapi berdasarkan keperluan sebenar struktur pelajaran dan pengurusan perguruan.

2.0 SANDANG BERJAWATAN

Sandang Berjawatan dianugerahkan kepada murid silat yang telah dilantik dan diberikan tanggungjawab untuk menjaga serta mengurus perkara berkaitan pelajaran, adat-istiadat, kewangan, kepimpinan dan pengurusan Silat Seni Gayong.

Sandang ini menggambarkan struktur kepimpinan dalam perguruan. Pemakainya bukan sahaja mempunyai kedudukan tertentu, malah mempunyai tanggungjawab terhadap kesinambungan pelajaran, pengurusan gelanggang dan pemeliharaan adat perguruan.

2.1 Susunan Sandang Berjawatan

Susunan Sandang Berjawatan adalah seperti berikut:

Bil.	Sandang	Jawatan/Peranan
a)	Seri Mahkota Cula Sakti	Penaung Agong
b)	Seri Mahkota Agong Cula Sakti	Penaung Negeri
c)	Seri Mahkota Agong Cula Pelangi	Mahaguru
d)	Seri Mahkota Agong Bintang Pelangi	Imam Khalifah Agong
e)	Seri Mahkota Agong Relang Pelangi	Timbalan Imam Khalifah dan Imam Khalifah Negeri
f)	Seri Mahkota Bintang Pelangi	Timbalan Imam Khalifah Negeri
g)	Seri Mahkota Relang Pelangi	Kipas Emas
h)	Seri Mahkota Cahaya Pelangi	Khalifah Besar
i)	Seri Cula Pelangi	Waris Beradat
j)	Seri Bintang Pelangi	Ketua Beradat
k)	Seri Relang Pelangi	Khalifah Kanan
l)	Seri Cahaya Pelangi	Khalifah
m)	Seri Pelangi	Khalifah Muda

2.2 Struktur Jawatan Berdasarkan Bilangan Gelanggang

Struktur kepimpinan Silat Seni Gayong disusun secara berperingkat berdasarkan jumlah gelanggang yang diselia. Prinsip ini memastikan setiap pemegang jawatan mempunyai skop tanggungjawab yang munasabah serta dapat memberikan perhatian yang sewajarnya terhadap gelanggang dan murid di bawah seliaannya.

Pada peringkat asas, seorang Khalifah Muda menyelia sebuah gelanggang. Khalifah Muda bertanggungjawab mengawal selia gurulatih yang mengajar di sesebuah gelanggang bagi memastikan pelaksanaan pengajaran, adat-istiadat, pengurusan dan kewangan dikendalikan dengan baik serta mengikut dasar yang telah ditetapkan. Oleh

itu, kewujudan jawatan Khalifah Muda adalah berkait secara langsung dengan kewujudan dan keperluan sesebuah gelanggang.

Seterusnya, seorang Khalifah menyelia empat orang Khalifah Muda, yang bersamaan dengan tanggungjawab menyelia empat buah gelanggang. Struktur ini membentuk satu peringkat penyeliaan yang menghubungkan pengurusan gelanggang dengan kepimpinan pada peringkat yang lebih tinggi.

Pada peringkat berikutnya, seorang Khalifah Kanan menyelia empat orang Khalifah. Dengan setiap Khalifah menyelia empat gelanggang, seorang Khalifah Kanan bertanggungjawab terhadap keseluruhan 16 gelanggang. Struktur berperingkat ini membolehkan penyeliaan dilaksanakan secara tersusun, berkesinambungan dan mengikut skala tanggungjawab yang ditetapkan.

Struktur tersebut boleh diringkaskan seperti berikut:

1 Khalifah Muda → 1 gelanggang

1 Khalifah → 4 Khalifah Muda → 4 gelanggang

1 Khalifah Kanan → 4 Khalifah → 16 gelanggang

Struktur berperingkat ini menunjukkan bahawa sistem kepimpinan Gayong mempunyai hubungan langsung antara jumlah gelanggang, skop penyeliaan dan keperluan jawatan. Dengan itu, pelantikan pemegang jawatan hendaklah mengambil kira perkembangan sebenar gelanggang, bukan semata-mata berdasarkan gelaran atau kedudukan.

2.3 Pelantikan Ketua Beradat, Waris Beradat dan Khalifah Besar

Di peringkat negeri, pelantikan jawatan tertentu mempunyai had maksimum bagi memastikan struktur kepimpinan tidak berlebihan dan kekal berfungsi secara berkesan.

Sebuah negeri boleh melantik:

- maksimum 14 orang Ketua Beradat;
- maksimum 14 orang Waris Beradat; dan
- maksimum 4 orang Khalifah Besar.

Walau bagaimanapun, jumlah sebenar Ketua Beradat dan Waris Beradat hendaklah bergantung kepada keperluan negeri. Had maksimum tersebut tidak bermaksud setiap negeri mesti mengisi kesemua jawatan berkenaan. Pelantikan hendaklah dibuat berdasarkan jumlah gelanggang, perkembangan kawasan, keperluan pentadbiran, fungsi adat dan kemampuan untuk melaksanakan tanggungjawab.

Dengan prinsip ini, sesebuah negeri yang mempunyai bilangan gelanggang yang lebih kecil tidak semestinya memerlukan jumlah pemegang jawatan yang maksimum. Sebaliknya, negeri yang mempunyai perkembangan gelanggang dan struktur pentadbiran yang lebih besar boleh mempertimbangkan pelantikan yang lebih ramai, selagi tidak melebihi had yang telah ditetapkan.

2.4 Prinsip Kekosongan Jawatan

Kekosongan sesuatu jawatan dalam struktur Sandang Berjawatan hendaklah dilihat sebagai perkara yang berkaitan dengan keperluan organisasi dan perkembangan gelanggang.

Kewujudan jawatan tidak seharusnya bermaksud setiap jawatan mesti sentiasa diisi. Sekiranya jumlah gelanggang belum mencapai keperluan bagi sesuatu peringkat penyeliaan, jawatan tersebut boleh kekal kosong sehingga wujud keperluan dan calon yang sesuai.

Pendekatan ini mempunyai beberapa kepentingan. Pertama, ia mengelakkan pertindihan fungsi antara pemegang jawatan. Kedua, ia memastikan setiap jawatan mempunyai tugas yang jelas. Ketiga, ia membantu mengekalkan disiplin struktur perguruan. Keempat, ia membolehkan pertumbuhan jawatan berlaku selaras dengan pertumbuhan gelanggang.

Oleh itu, prinsip asasnya ialah:

Jawatan berkembang mengikut perkembangan gelanggang, manakala pelantikan berkembang mengikut keperluan perguruan.

Prinsip ini juga memastikan gelaran dan sandang tidak menjadi matlamat utama dalam perguruan. Sebaliknya, sandang diberikan apabila terdapat tanggungjawab sebenar yang perlu dipikul.

3.0 HUBUNGAN ANTARA GELANGGANG DAN HIERARKI KEPIMPINAN

Struktur kepimpinan berdasarkan gelanggang memperlihatkan satu sistem penyeliaan yang tersusun dari peringkat bawah kepada peringkat lebih tinggi.

Pada peringkat pertama, Khalifah Muda berhubung secara langsung dengan sebuah gelanggang. Hubungan ini penting kerana gelanggang merupakan unit asas dalam penyampaian pelajaran dan adat-istiadat Silat Seni Gayong.

Empat gelanggang kemudiannya diletakkan di bawah penyeliaan seorang Khalifah. Khalifah berperanan menyelaraskan pelajaran, membantu guru-guru di bawah tanggungjawabnya dan memastikan perjalanan latihan dapat dilaksanakan dengan teratur.

Apabila jumlah gelanggang berkembang kepada 16, struktur tersebut memerlukan seorang Khalifah Kanan untuk menyelia empat orang Khalifah. Dengan demikian, penyeliaan tidak dilakukan secara langsung terhadap setiap gelanggang, tetapi melalui sistem berlapis yang lebih teratur.

Struktur ini boleh digambarkan sebagai:

KHALIFAH KANAN



4 KHALIFAH



16 GELANGGANG

Manakala pada peringkat setiap Khalifah:

KHALIFAH



4 KHALIFAH MUDA



4 GELANGGANG

Dan pada peringkat asas:

KHALIFAH MUDA



1 GELANGGANG

Sistem tersebut memberikan gambaran bahawa struktur kepimpinan bukan dibina berdasarkan gelaran semata-mata, tetapi berasaskan keperluan untuk mengurus dan menyelia pelajaran dan adat-istiadat.

4.0 SANDANG KEHORMAT

Sandang Kehormat dianugerahkan kepada orang awam yang telah membantu, menyokong dan berjasa kepada Silat Seni Gayong. Penerimaanya boleh terdiri daripada anggota masyarakat yang memegang jawatan dalam kerajaan, sektor swasta, badan bukan kerajaan serta tokoh masyarakat yang mempunyai kedudukan dan sumbangan tertentu.

Penganugerahan Sandang Kehormat merupakan satu bentuk penghargaan kepada pihak luar, khususnya pemimpin masyarakat dan tokoh yang telah memberikan jasa, sokongan dan sumbangan kepada perkembangan Silat Seni Gayong. Sandang ini juga menjadi jambatan hubungan antara perguruan dengan masyarakat serta institusi negara. Bilangan penganugerahan Sandang Kehormat tidak ditetapkan had tertentu kerana asas penganugerahannya adalah berdasarkan jasa, sumbangan dan kedudukan individu yang berkenaan. Walau bagaimanapun, jenis atau taraf sandang yang dianugerahkan hendaklah disesuaikan dengan status, kedudukan dan peranan penerima serta ketetapan adat perguruan yang berkaitan.

Jenis sandang yang dianugerahkan adalah berpandukan kedudukan penerima dalam Susunan Keutamaan Persekutuan yang berkuat kuasa, tertakluk kepada ketetapan adat dan peraturan perguruan.

Antara Sandang Kehormat yang dinyatakan ialah:

Bil.	Sandang	Kedudukan Penerima
a)	Sandang yang dipakai	Bekas Raja Permaisuri Agong yang menerima Saran Diraja daripada Kerajaan Persekutuan dan ke atas

Bil.	Sandang	Kedudukan Penerima
b)	Mahkota Agong Seri Pelangi Sakti	Ketua Hakim Negara, Mahkamah Persekutuan dan ke atas
c)	Mahkota Agong Seri Bintang Pelangi	Panglima Angkatan Tentera dan ke atas
d)	Mahkota Agong Seri Relang Pelangi	Hakim Mahkamah Persekutuan dan ke atas
e)	Mahkota Seri Bintang Pelangi	Panglima Tentera Darat dan ke atas
f)	Mahkota Seri Cahaya Pelangi	Penerima Anugerah Fellow Negara dan ke atas
g)	Mahkota Cula Pelangi	Kenamaan luar negara dan pegawai Kerajaan Grd 52 ke atas
h)	Mahkota Bintang Pelangi	Pimpinan tempatan

Sandang Kehormat tidak menjadikan penerima sebagai murid atau pemegang jawatan dalam struktur perguruan secara automatik. Sebaliknya, ia merupakan tanda penghormatan dan pengiktirafan terhadap kedudukan, sumbangan atau jasa seseorang kepada Silat Seni Gayong.

5.0 SANDANG GURU LATIH

Sandang Guru Latih merupakan sandang yang berkaitan dengan kedudukan seseorang sebagai rujukan dalam bidang pelajaran dan latihan Silat Seni Gayong.

Dua jenis Sandang Guru Latih yang dinyatakan ialah:

5.1 Panglima Hitam

Panglima Hitam merupakan sandang bagi Guru Latih yang menjadi rujukan pelajaran di sebuah negeri.

5.2 Singa Malaya

Singa Malaya merupakan sandang bagi Gurulatih yang menjadi rujukan pelajaran di sebuah negara.

Kedua-dua sandang ini menunjukkan bahawa Gurulatih bukan sekadar pengajar teknik silat, tetapi mempunyai tanggungjawab untuk memastikan pelajaran yang disampaikan tidak terpisah daripada adat, falsafah, disiplin dan nilai perguruan.

6.0 SANDANG WARIS

Sandang Waris mempunyai kedudukan khusus dalam struktur Silat Seni Gayong kerana berkaitan dengan kesinambungan kepimpinan, amanah dan warisan perguruan.

Sandang Waris terdiri daripada:

Bil.	Sandang	Peranan
a)	Waris Mutlak	Pemilik Silat Seni Gayong
b)	Waris Amanah	Murid Kanan yang dilantik menjaga Silat Seni Gayong
c)	Ahli Lembaga Waris Amanah	Murid Kanan yang membantu dan menasihati Waris Amanah
d)	Waris Kerabat	Waris zuriat ADMAR
e)	Ahli Kehormat Waris Kerabat	Anggota masyarakat yang berterusan menyumbang dan berjasa kepada Silat Seni Gayong dan Waris Zuriat ADMAR

Waris Amanah, khususnya, mempunyai tanggungjawab untuk memastikan kesinambungan perguruan terpelihara. Ahli Lembaga Waris Amanah pula berfungsi memberikan bantuan dan nasihat berdasarkan pengalaman serta pengetahuan mereka.

7.0 SANDANG SEBAGAI AMANAH DAN TANGGUNGJAWAB

Keseluruhan sistem Sandang Kebesaran Gayong hendaklah difahami berdasarkan prinsip amanah. Sandang yang tinggi tidak seharusnya menjadi alasan untuk seseorang meninggikan diri. Sebaliknya, semakin tinggi kedudukan seseorang, semakin besar tanggungjawab untuk berkhidmat.

Khusus bagi Sandang Berjawatan, amanah tersebut mempunyai hubungan langsung dengan struktur gelanggang. Seorang Khalifah Muda bertanggungjawab terhadap

sebuah gelanggang, Khalifah menyelia empat gelanggang dan Khalifah Kanan menyelia sehingga 16 gelanggang melalui empat orang Khalifah.

Oleh itu, pertambahan jumlah gelanggang hendaklah disertai dengan penilaian semula terhadap keperluan kepimpinan. Sebaliknya, sekiranya jumlah gelanggang berkurangan atau sesuatu jawatan tidak lagi diperlukan, struktur tersebut hendaklah disesuaikan dengan keadaan sebenar.

Prinsip ini dapat mengelakkan jawatan diwujudkan hanya untuk mendapatkan gelaran atau sandang. Setiap jawatan mestilah mempunyai fungsi, bidang kuasa dan tanggungjawab yang nyata.

8.0 ADAB PEMAKAIAN DAN PENGANUGERAHAN SANDANG

Pemakaian Sandang Kebesaran hendaklah dilakukan dengan tertib dan menghormati adat perguruan. Sandang yang mempunyai kedudukan tertentu tidak sepatutnya dipakai sesuka hati atau digunakan semata-mata untuk kepentingan peribadi. Cara pemakaian sandang juga hendaklah mengikut ketetapan adat. Bagi Waris Kerabat dan Waris Mutlak, sandang hendaklah dipakai di atas bahu kiri. Manakala penerima sandang yang lain hendaklah memakainya di atas bahu kanan. Sandang tidak boleh diikat pada pinggang. Sebaliknya, sandang hendaklah dibiarkan bebas sebagai tanda bahawa sandang bukan sekadar aksesori pakaian, tetapi merupakan lambang kedudukan, amanah dan autoriti dalam perguruan.

Dalam keadaan tertentu yang memerlukan pemegang sandang membuka sandang buat sementara waktu, seperti apabila diminta membuat persembahan silat, menghadiri jamuan dan menikmati hidangan, atau pergi ke tandas, sandang hendaklah dibuka dengan tertib dan ditempatkan di suatu tempat yang sesuai serta terpelihara. Sandang tidak wajar diletakkan sewenang-wenangnya di tempat yang boleh menjejaskan kehormatan dan kedudukannya. Setelah selesai urusan tersebut, pemegang sandang hendaklah memakai semula sandang seperti kedudukan dan cara pemakaian asal.

Penganugerahan juga hendaklah mempunyai asas yang jelas. Setiap penerima perlu mengetahui sebab sandang itu dianugerahkan, kedudukan yang dibawa serta tanggungjawab yang mengiringinya.

Bagi Sandang Berjawatan, pelantikan hendaklah mengambil kira struktur gelanggang dan keperluan pentadbiran. Bagi Sandang Kehormat pula, rujukan hendaklah dibuat kepada kedudukan penerima serta ketetapan yang berkaitan.

Dalam semua keadaan, prinsip utama ialah pemakaian dan sandangan hendaklah mendahulukan amanah daripada kebesaran gelaran. Sandang yang dipakai hendaklah mencerminkan tanggungjawab, kewibawaan dan penghormatan terhadap adat perguruan Silat Seni Gayong.

9.0 KESIMPULAN

Sandang Kebesaran Gayong merupakan salah satu unsur penting dalam sistem adat, kepimpinan dan pengiktirafan Silat Seni Gayong. Ia merangkumi Sandang Berjawatan, Sandang Kehormat, Sandang Guru Latih dan Sandang Waris yang mempunyai fungsi serta kedudukan masing-masing.

Dalam Sandang Berjawatan, struktur kepimpinan mempunyai hubungan yang jelas dengan bilangan gelanggang. Seorang Khalifah Muda menyelia sebuah gelanggang, seorang Khalifah menyelia empat Khalifah Muda atau empat gelanggang, manakala seorang Khalifah Kanan menyelia empat Khalifah atau 16 gelanggang. Pada peringkat negeri pula, jumlah Ketua Beradat dan Waris Beradat hendaklah bergantung kepada keperluan negeri dengan had maksimum 14 orang bagi setiap jawatan, manakala Khalifah Besar mempunyai had maksimum empat orang.

Prinsip tersebut menunjukkan bahawa jawatan dalam perguruan hendaklah berkembang berdasarkan keperluan, bukan semata-mata berdasarkan gelaran. Kekosongan jawatan pula boleh berlaku apabila bilangan gelanggang atau keperluan organisasi belum memerlukan pengisian jawatan tersebut.

Dengan pendekatan ini, Sandang Kebesaran Gayong dapat terus berfungsi sebagai sistem pengiktirafan yang tersusun, berdisiplin dan berasaskan amanah. Kebesaran seseorang bukan hanya diukur melalui sandang yang dipakai, tetapi melalui sejauh mana seseorang itu mampu melaksanakan tanggungjawab, menjaga adat, memelihara ilmu dan berkhidmat untuk kesinambungan Silat Seni Gayong.

RUJUKAN

1. Lembaga Beradat Kebangsaan PSSGM. (2017). *Peraturan adat-istiadat*. Sasbadi Sdn. Bhd.
2. PSSGM (1963), *Perlembagaan 361*